


Suara

EDISI JAN - JUN 2023

 MITASA



MITASA



50 Tahun MITASA Terus Melangkah

- Ulang Tahun ke 50 dan EGM MITASA
- Program Kayuhan Santai Merdeka
- Merdeka Hari Tua bersama KWSP
- Kejohanan Bowling Hari Akademia
- NR-Mitasa Foodbank bantu pelajar dan kakitangan

EDITORIAL

Penasihat

Ketua Pengarang Editor Bersekutu Editor Bersekutu Eksekutif Media



**AHMAD FAISAL
MOHAMED FIAH**



**MOHD AMIRUL AKHBAR
MOHD ZULKIFLI**



**DR MAZLAN
CHE SOH**



**DR FARIDAH
HUSSAIN**



**SITI FATIMAH
AWANG**

Terima kasih untuk 50 tahun yang gemilang

Alhamdulillah, Suara MITASA dapat lagi diterbitkan dan kali ini ia diterbitkan dalam suasana yang cukup bermakna iaitu bersempena dengan sambutan jubli emas MITASA. Majlis sambutan yang serba sederhana namun dianjurkan dalam suasana yang cukup meriah telah dapat dilaksanakan namun apa yang lebih penting kenangan yang tercipta bukan sahaja pada malam sambutan malahan menerusi pengantangan acara-acara lain dapat dijadikan kenangan buat semua yang terlibat.

Terima kasih secara khusus saya tujukan kepada semua yang terlibat tetapi ianya tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sokongan berbelah bahagi ahli MITASA hingga wujudnya kesatuan sekerja ini yang telah berusia lebih separuh abad.

Saya sendiri rasa bertuah kerana diberikan peluang untuk menerajui MITASA bagi penggal 2021-2023 dan dalam tempoh penggal ini berlangsungnya sambutan jubli emasnya. Namun apa yang lebih penting, bukan jumlah tahun penubuhan yang kita harus lihat tetapi marilah kita sama-sama merenungi peranan yang perlu terus dimainkan MITASA dalam mewakili ahlinya yang terdiri daripada kakitangan akademik dalam UiTM.

MITASA merupakan salah satu daripada tiga kesatuan yang wujud di kalangan universiti awam di Malaysia dan status tersebut pastinya menceritakan sesuatu kepada kita semua kewujudan MITASA bukanlah sekadar sebagai kelab atau persatuan “sosial” tetapi lebih banyak peranan dan tanggungjawab yang perlu

dimainkan. Amanah, tanggungjawab dan kepercayaan adalah “pegangan” kami semua khususnya di kalangan exco dan ia harus dihayati oleh semua termasuklah ahli MITASA.

Justeru, marilah kita semua bersama-sama berganding bahu menjadikan MITASA suatu kesatuan yang lebih teguh dan ampuh di negara ini dan MITASA juga mampu menjadi antara tenaga penyumbang ke arah pembangunan anak bangsa. InsyaAllah hayat dikandung badan, saya dan seluruh exco serta ahli MITASA akan memberikan sumbangan terbaik.

Terima kasih ahli MITASA... Terima kasih MITASA.

**Penasihat Suara Mitasa
Presiden MITASA
Ahmad Faisal Mohamed Fiah.**

Tinta Pengarang

Mendepani cabaran dalam abad ke-21 seringkali diutarakan dalam banyak perbincangan khususnya yang melibatkan berbagai organisasi tidak kira di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Hentaman yang diterima oleh kebanyakan organisasi berkenaan menyebabkan perlunya perubahan dan penyesuaian sekaligus mempopularkan terma “living organism”. Organisasi masa kini bukanlah seperti masa lalu yang hanyalah bersifat memastikan penerusan “keuntungan” organisasi semata-mata tanpa mempedulikan nasib tenaga kerjanya.

Kini kelangsungan sesebuah organisasi adalah ditentukan oleh tenaga kerjanya yang kelak bakal menggerakkan dan menjayakan segala perancangan yang telah diatur. Dalam konteks pengajian tinggi negara, ahli-ahli akademik memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pelan-pelan yang telah dirancang bakal dicapai atau sebaliknya.

Kepentingan yang membabitkan aspek

kecukupan fasiliti amat mendesak khususnya apabila ia adalah elemen utama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Adalah menjadi kewajipan semua khususnya pengurusan universiti dalam memastikan pengemaskinian fasiliti, kawalan kualiti serta mutu yang dikongsikan kepada semua adalah mencapai tahap yang sewajarnya.

Malahan input serta pandangan ahli-ahli akademik sewajarnya diterima dan diperbahaskan demi kelangsungan dan kedinamisan universiti itu sendiri. Bagi Universiti Teknologi MARA (UiTM), tradisi berkenaan sememangnya telah sedia wujud dan wajar diperkembangkan dari semasa ke semasa. Di sini Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) terus beriltizam untuk menjadi rakan kongsi strategik yang mampan membabitkan ahli-ahli akademiknya dengan pihak pengurusan universiti. Dengan adanya sinergi yang sebegini, ia secara langsung akan memberikan output positif bagi semua pihak.

Malahan input serta pandangan ahli-ahli akademik sewajarnya diterima dan diperbahaskan demi kelangsungan dan kedinamisan universiti itu sendiri. Bagi Universiti Teknologi MARA (UiTM), tradisi berkenaan sememangnya telah sedia wujud dan wajar diperkembangkan dari semasa ke semasa. Di sini Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) terus beriltizam untuk menjadi rakan kongsi strategik yang mampan membabitkan ahli-ahli akademiknya dengan pihak pengurusan universiti. Dengan adanya sinergi yang sebegini, ia secara langsung akan memberikan output positif bagi semua pihak.

Yang pastinya ialah tanggungjawab dan misi utama kewujudan UiTM akan kekal relevan dan tercapai walaupun berada dalam abad mahupun kepimpinan yang berbeza.

**Ketua Pengarang Suara MITASA
Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli**

Ulang tahun ke-50 penubuhan MITASA-UiTM



Sejak 50 tahun penubuhannya, Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM atau MITASA kekal komited dalam menjaga hak serta kebajikan ahli-ahli akademiknya sekaligus menyaksikan sambutan Jubli Emas pada tahun 2022 yang cukup bermakna dengan persediaan yang tersendiri.

Penubuhan MITASA iaitu sejak 50 tahun bukanlah suatu tempoh masa yang singkat dan jika dibandingkan dengan usia manusia, tentu sekali 50 tahun mencerminkan kedewasaan dan kematangan seseorang serta menggambarkan pengalaman serta liku-liku hidup yang telah dilalui. Begitulah juga halnya dengan sesebuah

organisasi yang telah bertahan sehingga mencecah usia Jubli Emas.

Peranan MITASA juga amat ketara bagi menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan akademik, terutamanya memberikan komitmen, cadangan dan input kepada universiti dalam tempoh-tempoh yang sukar jelas menggambarkan perasaan cinta dan kasih yang mendalam terhadap institusi keramat ini.

MITASA juga menganjurkan Majlis Makan Malam Jubli Emas sebagai kemuncak program MITASA 50 tahun yang turut menjemput ahli dan kepimpinan tertinggi UiTM, kepimpinan MITASA yang terdahulu dan wakil-wakil agensi.

Majlis berkenaan telah diadakan di Hotel UiTM pada 15 Oktober 2022.

Pada malam tersebut, turut diadakan majlis penyampaian hadiah pertandingan Anugerah Khas kepada ahli melibatkan lima kategori iaitu Anugerah Ahli (Pensyarah) Menyinar, Anugerah Ahli (Pensyarah) Prolifik, Anugerah Ahli (Pensyarah) Versatil/Serba boleh, Anugerah Ahli (Pensyarah) Aktif dan Anugerah Ahli (Pensyarah) Harapan.

MITASA turut mengadakan penganjaran beberapa program sempena dengan ulang tahun tersebut seperti forum, sukan dan majlis makan malam.

Mesyuarat Agung Luar Biasa MITASA



Dalam usaha memastikan kemampanan dan kelangsungan MITASA, satu Mesyuarat Agung Luar Biasa atau EGM telah diadakan bersempena dengan Sambutan Jubli Emas MITASA pada 15 Oktober 2022. EGM berkenaan perlu dilaksanakan memandangkan beberapa perkara di dalam perlembagaan MITASA perlu diubah mengikut kesesuaian semasa dan memberi manfaat berterusan kepada ahli-ahlinya.

Perlembagaan merupakan satu penanda aras yang cukup penting dalam sesebuah organisasi dan selaras dengan itu, MITASA membuat keputusan untuk mengadakan EGM bagi mengemaskini perlembagaan sedia ada untuk memberi manfaat kepada ahli-ahlinya.

Bermula dengan pengundian, prosedur pindaan dan kesemua syarat wajib pindaan dilaksanakan sebaik mungkin oleh jawatankuasa kerja yang diketuai oleh Setiausaha MITASA, Dr. Mazlan Che Soh. Pengumpulan semula kertas undi juga dilakukan dengan telus

dan dikendalikan sebaik mungkin sehingga tiba hari pengiraan undi pada 15 Oktober 2022 di Kelab Shah Alam.

Undi ditutup pada jam 8 pagi pada hari yang sama dan pengiraan undi bermula sebaik sahaja pengundian berakhir dan tamat tepat jam 11 pagi. Majlis berkenaan juga boleh disertai melalui atas talian, selain turut dihadiri wakil-wakil penyelaras MITASA dari seluruh negeri.

Selain itu, semasa proses pengundian undi berlangsung, majlis juga diisi dengan satu forum bertajuk “Hala Tuju Kesatuan Dalam Pendidikan Tinggi Negara” dan dikendalikan oleh Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah dan dua panel jemputan iaitu Mantan Presiden Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (UTiMAS) iaitu Profesor Madya Abdul Rahim Awang dan Presiden Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi Mara (KKUiTM), Tuan Haji Zulkifli Mohamad.

Program Kayuhan Santai Merdeka 65 UiTM



Sempena bulan kemerdekaan kali ke 65, satu Program Kayuhan Santai 65 BHEP UiTM telah berlangsung pada 26 Ogos bertempat di Dataran Kolej Mawar, UiTM Shah Alam hasil kolaborasi beberapa pihak iaitu Majlis Pengetua, Bahagian Hal Ehwal Pelajar BHEP, Persatuan Wanita Universiti Teknologi Mara (Pewani), MITASA, Koperasi Siswa Universiti Teknologi Mara Selangor (KOSISWA) dan Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Selangor.

Program itu diadakan bagi menyambut bulan kemerdekaan dengan menyemarakkan semangat patriotisme melalui aktiviti kayuhan basikal, selain memupuk semangat bersukan dalam kalangan warga UiTM Shah Alam. Dengan adanya aktiviti seperti itu, ia juga dapat mewujudkan perasaan harmoni dalam kalangan warga UiTM dan menggalakkan gaya hidup sihat melalui kegiatan riadah dan sukan.

Program itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Dr Haji Mohd Sazili Shahibi dan turut dihadiri oleh wakil-wakil dan kepimpinan tertinggi rakan-rakan kolaborasi. Kayuhan kali ini merekodkan kehadiran seramai 80 orang peserta berbasikal, 20 orang peserta berkereta

dan 20 orang peserta motorsikal yang terdiri daripada kakitangan UiTM Shah Alam, MITASA, PEWANI, KOSISWA dan Jabatan Penerangan Negeri Selangor. Pergerakan program juga turut dibantu oleh pasukan polis trafik dan Polis Bantuan UiTM dan ambulan.

Beberapa anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor HEP, Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi melibatkan Basikal Berhias Merdeka 65 dan pemenangnya ialah Encik Mohd Irwan Ajis dari Pusat Kokurikulum, BHEP dan tempat kedua pula dimenangi oleh Puan El Leza Fatehah Mohd Azam dari Pusat Kesihatan BHEP manakala tempat ketiga dimenangi oleh Puan Norliza Hamzah dari Kolej Kediaman Mawar, BHEP.

Selain itu, turut disampaikan anugerah Peserta Paling Tepati Masa iaitu Encik Azhar Miskon dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Peserta Paling Semangat pula dimenangi oleh Puan Zaharah Abdul Rahman dari Kolej Kediaman Melati, BHEP. Anugerah terakhir yang disampaikan ialah Peserta Paling Perlahan iaitu Puan Jamilah Mat Taib dari Pusat Kebudayaan, BHEP.

Mitasa hadir Kongres Tritahunan CUEPACS



Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) buat julung kalinya telah menyertai Kongres Tritahunan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kali ke-28 yang telah diadakan pada 17-19 Disember 2023 bertempat di Shah Alam Convention Centre, Shah Alam Selangor.

Sebagaimana ketetapan oleh CUEPACS, pihak MITASA telah diwakili oleh 10 orang perwakilan yang terlebih dahulu

telah disyitiharkan menang tanpa bertanding sebagai perwakilan MITASA ke Kongres CUEPACS semasa mesyuarat Agung Luar Biasa yang telah diadakan pada 15 Oktober 2022.

Perwakilan MITASA terdiri daripada Ahmad Faisal Mohamed Fiah, Saharuddin Lin, Dr Mazlan Che Soh, Dr Faridah Hussain, Datin Hajah Marina Ismail, Nor Azlin Rosli, Prof Madya Dr Zulkifli Latif, Hisyam Che Mat, Dr Zaid Mujayid Putra Ahmad Baidowi dan Syarifah Yuliana Syed

Ali Hanafiah.

Kongres kali ini menyaksikan pertandingan bagi memilih kepimpinan tertinggi CUEPACS, dan penyandang, Dato Adnan Mat telah menang jawatan Presiden dengan menewaskan Tuan Haji Zulkifli Mohamad, yang juga merupakan Presiden Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi Mara (KKUiTM). Majlis turut diserikan dengan majlis makan malam yang dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Dato Seri Amiruddin Shaari.

Kejohanan bowling sempena Hari Akademia

Bagi meraikan warga pendidik sempena Hari Akademia 2022 dan sambutan Jubli Emas, MITASA tampil menganjurkan Kejohanan Tenpin Bowling yang telah berlangsung pada 23 Oktober 2022 di Alam Lanes, Aeon Mall Shah Alam.

Lebih 25 pasukan melibatkan empat wakil dari UiTM seluruh negara tampil berentap pada kejohanan berkenaan dengan mempertaruhkan nilai jatuhan pin tertinggi. Bukan hanya dari Selangor, malah dari Perlis, Kedah, Johor dan sebagainya, ahli-ahli MITASA ini sanggup turun padang untuk beraksi sekaligus menyokong kejohanan yang diadakan berkenaan.

Keakraban silaturahmi yang ditunjukkan melalui aktiviti seperti ini sedikit sebanyak membantu MITASA untuk melangkah lebih jauh masa akan datang, terutamanya untuk proses penganjuran program dan kejohanan

yang lebih besar selepas ini. Untuk kejohanan kali ini, juara pasukan lelaki diungguli oleh pasukan dari KKUiTM Arau Perlis manakala juara pasukan perempuan pula dimenangi oleh kumpulan yang diberi nama Dolls With Balls.

Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah semasa menyampaikan ucapan perasmian kejohanan memberitahu, MITASA akan menjadikan aktiviti sukan dan kejohanan seperti itu sebagai acara tahunan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara peserta dan kepimpinan MITASA sendiri. Selain itu, katanya, dengan aktiviti sukan tersebut akan memberi semangat dan kesihatan yang baik kepada semua peserta yang masing-masing sentiasa sibuk dengan tugas harian mengendalikan pengurusan dan proses pembelajaran di UiTM.



Merdeka Hari Tua bantu masyarakat bijak menyimpan

Bagi membantu memberi pelbagai pendedahan kepada masyarakat terutamanya warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengenai simpanan wang di masa hadapan, MITASA tampil bekerjasama dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam penganjuran Program Merdeka Hari Tua yang berlangsung pada 23 dan 24 Ogos 2022.

Penganjuran program dua hari tersebut bertempat di ruang legar PTAR, UiTM Shah Alam dengan pelbagai pengisian menarik terutamanya perkongsian mengenai manfaat menyimpan di hari tua. Selain itu, turut diadakan juga forum melalui atas talian dan sesi konsultasi selama dua hari program berkenaan berlangsung selain pembukaan kaunter untuk pendaftaran keahlian dan sebagainya.

Program tersebut bakal diteruskan dari semasa ke semasa bagi



membantu memudahkan orang ramai terutamanya warga UiTM iaitu pelajar dan kakitangan mendapat input yang berguna untuk menyimpan di hari tua. Malah KWSP juga menyediakan pegawai-pegawai yang berpengalaman untuk membantu memberi tunjuk ajar untuk sebarang transaksi setiap kali KWSP turun padang bertemu pelanggan.

Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik



Pada 20 hingga 22 Oktober 2022, MITASA telah dijemput untuk menghadiri Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik di Avilion Port Dickson, Negeri Sembilan. Presiden, Ahmad Faisal Mohamed Fiah yang mewakili MITASA telah tampil membawa suara ahli MITASA dengan memberikan beberapa cadangan dan penambahbaikan melibatkan garis panduan berkenaan.

Suara ahli adalah penting memandangkan mereka adalah pelaksana untuk garis panduan berkenaan sekaligus memastikan ia berkonsepkan 'win win situation'. Pelaksanaan garis panduan berkenaan difahamkan akan bermula pada 2023 memandangkan ia perlu mengambil kira pelbagai aspek termasuklah penglibatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta penilaian-penilaian yang lebih adil dan menyeluruh.

NR-MITASA FoodBank bantu pelajar dan staf

Bagi memperluaskan lagi kebajikan kepada pelajar dan kakitangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (Mitasa) dengan kerjasama Non-Resident (NR) UiTM Shah Alam tampil mewujudkan inisiatif bantuan makanan kepada pelajar yang memerlukan melalui penubuhan NR-Mitasa FoodBank yang bermula Mei lalu.

Inisiatif ini adalah untuk membantu pelajar yang memerlukan bantuan makanan asas seperti kicap, beras, sos dan pelbagai keperluan makanan yang lain. Selain itu, Gerobok Rezeki berkenaan juga terbuka kepada staf yang memerlukan, bukan hanya kepada pelajar sahaja.

NR-MITASA FoodBank berkenaan bertempat di aras satu bangunan Unit Pengurusan NR di UiTM Shah Alam dan dengan hanya mengimbas kod yang disediakan, pelajar atau staf boleh mengambil makanan yang disediakan di rak tersebut bermula jam 8 pagi hingga 5 petang pada setiap hari bekerja.

NR dan Mitasa mengalu-alukan semua pihak untuk sama-sama menjayakan inisiatif ini melalui sumbangan makanan dan sebagainya. Sebarang urusan sumbangan boleh berhubung dengan pihak pengurusan NR.





Kunjungan hormat Pengerusi Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA) ke atas Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Haji Mohamed Khaled Nordin. Kunjungan ini bertujuan untuk menerangkan keadaan semasa dan hala tuju MPPA serta pandangan terhadap perjalanan universiti awam negara. Pelbagai perkara telah dibincangkan bagi memperkukuh dan memantapkan pengurusan universiti awam.



Kunjungan hormat MITASA ke atas Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Professor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Ros yang diketuai oleh Presiden MITASA, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah dan Exco-Exco MITASA.



Exco-exco MITASA yang diketuai Presiden, Ahmad Faisal Mohamed Fiah dijemput menyertai Konvensyen Akademik Kebangsaan Universiti Awam Malaysia 2022 di Universiti Putra Malaysia (UPM), disini.



Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah menyampaikan cenderamata kepada Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr Ibrahim Shah Abu Shah yang telah melengkapkan tanggungjawab selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara (UiTM).



MITASA turut menyampaikan sumbangan RM1,000 sempena Majlis Khatam Al-Quran 2023 dan Penyampaian Bantuan Bakul Syawal yang bertempat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM pada Ramadan lalu.



Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah berpeluang menjenguk penyelarar MITASA Cawangan Pulau Pinang, Encik Bakri Ali yang berada dalam keuzuran semasa menghadiri salah satu program di UiTM cawangan berkenaan.



Exco-exco MITASA akan mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi membincangkan pelbagai isu bagi menjaga kebajikan ahli dan sebgainya.



Exco dan penyelarar MITASA juga diantara peserta yang menyertai Bengkel Task-Force Pindaan Akta UiTM 1976 (Akta 173) Siri Kedua di Hotel UiTM Januari lalu.

TAHUN

1971-1972

1972-1973

1973-1974

1974-1975

1975-1976

1976-1977

1977-1978

1978-1979

1979-1980

1980-1981

1981-1982

1982-1983

1983-1984

1984-1985

1985-1986

1986-1987

1987-1989

1989-1991

1991-1993

1993-1995

1995-1997

1997-1999

(7-27 SEPT 1999)

(28 SEPT 1999-
1 JAN 2000)

4 JULAI 2000

2001-2003

2003-2005

2005-2007

2007-2009

2009-2011

2011-2013

2013-2015

2015-2017

2017-2019

2019-2021

2021-2023

PRESIDEN

MD TAHIR ABD MAJID

KADIR HASSAN

JAMES PADIAN

JAMES PADIAN

SHAMSIAH BEGUM SUBHAH

S.KANNIASEELAM

MUNIS PARAN

MUNIS PARAN

OTHMAN ZAINAL

DR KATNI KAMSONO KIBAT

HARUN ABD GHANI

HARUN ABD GHANI

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

AB RASHID MAIDIN

ABDULLAH@KASSIM MOHAMAD

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

MOHD RAJIB ABD GHANI

USTAZ FADZLULIAH SHUIB

ISMAIL ABD REJAB

DR ADNAN AHMAD

ALI DINA

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK

AB LATIFF ISHAK,
DR NORMALY KAMAL ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL

AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

TIMBALAN PRESIDEN

LIM SEAH ENG

CAPPA RAO

WAN GHAZALI AHMAD

J.E. VAS

HALIM DON

FAUZIAH AHMAD

FAUZIAH AHMAD

OTHMAN ZAINAL

DR KATNI KAMSONO KIBAT

IDRIS KAHAR

MOHD SHIF ISMAIL

OTHMAN ZAINAL

BUKHORY ISMAIL

AB RASHID MAIDIN

AB RASHID MAIDIN

RUSTAM ABBAS

ADNAN ABDULLAH

DR KATNI KAMSONO KIBAT

MOHD DARBI HASHIM

MOHD DARBI HASHIM

DR IR AHMAD SHUHAIMI ABD RAHIM

DR IR AHMAD SHUHAIMI ABD RAHIM

ISMAIL ABD REJAB

DR ADNAN AHMAD

PROF MADYA RUSHDI KUBON

HASHIM AHMAD@MOHAMED

HASHIM AHMAD@MOHAMED

HASHIM AHMAD@MOHAMED

DR MOHD SAZILI SHAHIBI

DR MOHD SAZILI SHAHIBI,
DR ZULKIFLI ABD LATIFF

DR ZULKIFLI ABD LATIFF

DR ZULKIFLI ABD LATIFF

AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

SAHARUDIN LIN

SAHARUDIN LIN

SETIAUSAHA

FATIMAH CAREY

ALI MOHAMAD

J.E. VAS

T.MARIAPAN

S.KANNIASEELAN

SPSUBRANIAM

HO JUAN KENG

WILLIAM NUB

BASAR JURAIMI

AHMAD ZAMRI KAMARUDIN

AHMAD ZAMRI KAMARUDIN

A. RAZAK BABA

SHAIK IBRAHIM SHAIK OMAR

RAMLI IBRAHIM

RAFA' HARUN

MOHD NOH NYATA

WAN ISMAIL WAN YUSOF

MOHD BASHIR MOHD SHUIB,
ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

ABD GHANI ABD KARIM

YM RAJA ROSLAN RAJA ABD RAHMAN,
MOHD HANAPIAH MOHD YUSOFF

MOHD HANAPIAH MOHD YUSOFF

DR MOHD AZAM MOHD ADIL

SARIMAH ISMAIL

DR NORMALY KAMAL ISMAIL,
NORSHIHA SAIDIN

DATIN DR SARIMAH ISMAIL

DATIN DR SARIMAH ISMAIL

NORSHIHA SAIDIN

DR MAZLAN CHE SOH

DR MAZLAN CHE SOH

Belasungkawa



Mantan Bendahari Mitasa,
Profesor Madya Dr Rezan-ba
Binti Muhammed Kassim

Allahyarhamah meninggal dunia
pada 14 Februari 2023



Exco Mitasa,
Dr Irini Binti Ibrahim

Allahyarhamah meninggal dunia
pada 23 Ogos 2022